

**TAJUK: MENDEPANI CABARAN PENDIDIKAN MELALUI KEPELBAGAIAN PERSPEKTIF
PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DALAM SISTEM PENDIDIKAN MALAYSIA**

Norawatif Binti Abdul Manan

Nur Marini Binti Mohd. Zain

Pengenalan

Pengajaran dan pembelajaran telah memainkan peranan penting dalam pendidikan di negara kita Malaysia. Kalau dulu, guru-guru terikat dengan buku teks dan mengamalkan pengajaran dan pembelajaran ala 'chalk and talk' tetapi kini pelbagai kaedah telah pun digunakan. Era ICT kini telah memajukan bidang pendidikan, pengajaran dan pembelajaran boleh dilaksanakan secara atas talian atau menggunakan perisian pengajaran dan pembelajaran berbantuan komputer (PPBK).

Pembelajaran merupakan satu proses berterusan. Menurut kamus Dewan (1994), pembelajaran adalah usaha memperoleh ilmu pengetahuan, menuntut ilmu pengetahuan. Proses ini mengkehendaki pelajar melalui pengalaman seperti mendapat penerangan guru, membuat latihan bertulis atau amali sehingga berlaku perubahan dalam diri pelajar. Robert M. Gagne (1970) dalam bukunya 'The Condition of Learning' mendefinisikan pembelajaran sebagai perubahan tingkah laku atau kebolehan seseorang yang dapat dikekalkan, tidak termasuk perubahan yang disebabkan proses pertumbuhan. Menurut Mayer (1982), pembelajaran adalah perubahan kekal dalam pengetahuan seseorang melalui pengalaman. Driscoll (1994) menyebut bahawa pembelajaran adalah perubahan prestasi secara berterusan dalam diri manusia hasil dari interaksi pembelajaran dengan persekitaran. Oleh itu pembelajaran merupakan satu proses yang mengubah keadaan, sikap, pengetahuan manusia menerusi pengalaman.

Pengajaran dan pembelajaran mempunyai hubungan yang sangat rapat. Lazimnya pembelajaran dikaitkan dengan pengajaran (Sufean Hussin 2002). Pengajaran ialah sesuatu tugas dan aktiviti yang diusahakan bersama oleh guru dan muridnya. Tanpa salah satu daripadanya pengajaran tidak akan berlaku. Pengajaran dirancang oleh guru secara sistematik dengan menggunakan kaedah dan teknik yang sesuai bagi mencipta lingkungan yang

memungkinkan terjadinya proses belajar. Hasil daripada pengajaran berlakulah perubahan yang secara relatifnya kekal sama ada dalam bentuk yang eksplisit ataupun implisit (Shababuddin et al. 2003). Pengajaran boleh ditambahbaik secara berterusan menerusi penyelidikan, pengembangan ilmu, pemantapan kemahiran dan rujukan kepada amalan profesional yang berkaitan. Pengajaran juga merangkumi proses merekabentuk kurikulum, penyampaian kurikulum, dan sistem penilaian pelajar. Dalam proses pengajaran, terdapat pelbagai pendekatan yang boleh diaplikasikan seperti pengajaran berpusatkan murid, guru, hasil, proses dan nilai. Secara ringkas, komponen asas yang membentuk sesuatu proses pengajaran seharusnya mengandungi ciri-ciri berikut iaitu guru, pelajar atau murid, kandungan, kaedah, tujuan, hasil (perubahan yang kekal secara relatif) dan penilaian.

Antara kaedah-kaedah pengajaran yang dijalankan di Malaysia adalah pembelajaran berpusatkan guru (*teacher centered*), pembelajaran berpusatkan pelajar (*student centered*), pembelajaran berasaskan masalah (*problem based learning*), pembelajaran berasaskan hasil (*outcome based learning*) , dan pemikiran aras tinggi (*higher order thinking skills*).

Pembelajaran Berpusatkan Guru

Menurut Saedah Siraj (2001) "pendekatan mengajar yang serupa untuk sekumpulan pelajar sarna ada secara tradisional ataupun inovatif tidak menunjukkan wujudnya proses pengajaran dan pembelajaran" (ms.70). Proses pengajaran dan pembelajaran sepatutnya melibatkan interaksi dua hala antara pelajar dengan guru. Pengajaran dalam kaedah tradisional melibatkan hanya hubungan satu hala. Semasa pengajaran guru yang memainkan peranan utama berbanding pelajar. Guru bertindak secara solo, pelajar hanya mendengar dan bersifat pasif. Maksudnya, pengajaran dan pembelajaran berpusatkan guru. Maka tidak ada kepelbagaian teknik pengajaran guru yang dapat merangsang proses pengajaran dan pembelajaran.

Carter (1988) menganggap pendekatan berdasarkan maklumat sebagai satu cara pengajaran pengetahuan mengenai sastera mana kesusasteraan dilihat untuk menawarkan sumber maklumat kepada pelajar. Oleh itu, kaedah pengajaran yang cenderung untuk menjadi berpusatkan guru sebagai Lazar (1993) menunjukkan bahawa tumpuan kepada kandungan memerlukan pelajar untuk mengenal sejarah dan ciri-ciri pergerakan sastera yang terdiri daripada latar belakang budaya, sosial, politik dan sejarah kepada teks, dengan itu menuntut

input yang besar daripada guru. Aktiviti berasal dari pendekatan ini boleh ceramah, penerangan, membaca nota dan kritikan yang diberikan dalam buku kerja atau oleh guru. Aktiviti-aktiviti ini biasanya memenuhi tujuan penting seperti peperiksaan (Carter & McRae, 1996).

Pembelajaran Berpusatkan pelajar

Pembelajaran berpusatkan murid pelajar adalah 'autonomous' dan mereka bertanggungjawab sepenuhnya menentukan hala tuju proses pembelajaran. Pembelajaran berpusatkan pelajar (PBP) adalah satu pendekatan pendidikan di mana kurikulum, aktiviti pengajaran, pembelajaran dan penilaian berfokuskan kepada pelajar. Peranan pensyarah berubah daripada peranan sebagai pemberi kepada fasilitator. Banyak pihak cuba menghuraikan pengertian dan konsep PBP.

Menurut Shahabudin et al. (2003), PBP adalah strategi pengajaran di mana pelajar menjadi pemain utama yang melibatkan diri secara aktif dalam sesuatu sesi P&P. Csete dan Gentry (1995) pula menggunakan istilah PBP sebagai pengajaran yang dikawal oleh pelajar. Kawalan di sini bermaksud pelajar mengawal prosedur, masa dan penilaian untuk memenuhi keperluan mereka yang berbeza. PBP ialah satu pendekatan pembelajaran yang meluas merangkumi pengalaman belajar secara aktif, penyelesaian masalah secara kritis dan kreatif, penggunaan simulasi, kajian kes, pembelajaran sendiri, kolaboratif dan koperatif. Secara padatnya, PBP adalah sebarang suasana pembelajaran yang efektif di mana perancangan, pengajaran dan penilaian menumpu kepada pelajar dan kepada hasil pembelajaran yang diperlukan pelajar.

Sejak kebelakangan ini, timbul rangsangan tentang perlunya peralihan strategi pembelajaran terutama di IPTA. Kaedah tradisional (dikaitkan dengan pengajaran berasaskan guru) bukan lagi cara terbaik mempersiapkan pelajar dengan pelbagai kemahiran. Kini semua IPT disaran atau diwajibkan untuk beralih kepada kaedah Pembelajaran Berpusatkan Pelajar atau lebih popular dengan panggilan Student-Centred Learning (SCL). SCL telah dilaksanakan di negara maju dengan pelbagai panggilan seperti Student-Centred Instruction (Felder dan Brent, 1996) atau Student-Centred Teaching (Motschnig-Pitrik, 2004) atau Learner-Centered Instruction (Newby et al, 2000) dengan membawa maksud yang serupa. Pendekatan SCL ialah strategi yang boleh membina tiga jenis kemahiran yang dianggap laris dalam sektor pekerjaan

iaitu pengetahuan dan kemahiran dalam work related area serta soft skill (di Barat lebih dikenali dengan social skill).

PBP mempunyai kelebihan dan kelemahan tertentu. Banyak kajian menunjukkan bahawa pendekatan PBP mengandungi beberapa kelebihan sebagaimana berikut :

1. Kaedah PBP mampu membentuk kematangan peribadi pelajar dan membina individu yang akan memiliki pemikiran berdaya tinggi melalui aktiviti-aktiviti yang dirancang semasa proses P&P.
2. PBP berkeupayaan membina kemahiran sosial pelajar bagi mempersiapkan mereka sebelum ke alam pekerjaan seperti kemahiran berkomunikasi, kepimpinan dan kerja berpasukan.
3. Pendekatan ini melatih pelajar tentang kemahiran menyelesaikan masalah yang kompleks.
4. Penggunaan teknik-teknik seperti simulasi, inkuiri-penemuan, penyelesaian masalah, pembelajaran koperatif membina kemahiran berfikir aras tinggi.

Di samping kelebihan-kelebihan di atas, pendekatan ini juga mengandungi kelemahan-kelemahan tertentu seperti kesukaran menghabiskan sukatan pelajaran yang ditetapkan, mengambil masa yang panjang, hilang kawalan kelas, menggunakan banyak tenaga, sebahagian pelajar (terutama yang lemah) sukar memahami kehendak pembelajaran dan terdapat pelajar yang tidak melibatkan diri dalam perbincangan kumpulan.

Menurut Borich & Tombari (1997) *Educational Psychology, A Contemporary Approach* halaman 177 menyebut "*Constructivisme...an approach to learning in which learners are provided the opportunity to construct their own sense of what is being learned by building internal or relationship among the ideas and fact being taught*". Petikan ini dapat difahami sebagai pendekatan pembelajaran yang menyediakan peluang kepada pelajar untuk membina kefahaman terhadap perkara yang dipelajari dengan mewujudkan jaringan antara idea serta fakta yang sedang diajar atau dipelajari. Apabila kita merujuk kembali kepada persoalan yang ditimbulkan ini iaitu untuk melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran berdasarkan fahaman.

Problem Based Learning (PBL)

Kaedah pengajaran yang aktif seperti pembelajaran berdasarkan penyelesaian masalah atau *problem based learning* (PBL) mampu melahirkan individu yang memiliki ilmu pengetahuan yang kekal dan mantap. Hal ini demikian kerana pembelajaran aktif memiliki kriteria-kriteria seperti berikut (Bonwell, 1995):

1. Penekanan proses pembelajaran bukan kepada penyampaian maklumat oleh pengajar melainkan pada pengembangan ketrampilan pemikiran analitis dan kritis terhadap topik atau permasalahan yang dibincangkan
2. Pelajar tidak hanya mendengarkan kuliah secara pasif tetapi melakukan sesuatu yang berkaitan dengan kandungan kuliah
3. Penekanan pada eksplorasi nilai-nilai dan sikap-sikap berkenaan dengan kandungan kuliah
4. Pelajar lebih banyak digalakkan untuk berfikir secara kritis, menganalisa dan melakukan penilaian
5. Maklum balas yang lebih cepat akan terjadi pada proses P&P


Pembelajaran aktif adalah segala bentuk pembelajaran yang menggalakkan pelajar bergerak secara aktif dalam proses pembelajaran itu sendiri baik dalam bentuk interaksi antara pelajar ataupun pelajar dengan pengajar. Pelajar akan terlibat dalam setiap aktiviti kerana mereka sendiri menyertai dan melakukan aktiviti pembelajaran tersebut. Kaedah penyelesaian masalah atau *problem based learning* (PBL) merupakan salah satu kaedah pembelajaran aktif. Melalui kaedah ini, pelajar akan terlibat secara langsung dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Kaedah ini sebenarnya sudah lama dipraktikkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran cuma pelajar yang tidak menyedarinya.

Outcome Based Education (OBE)

Di akhir suku ketiga abad ini, telah berlaku anjakan dan perubahan dalam mendefinisikan kualiti pendidikan. Sebelum ini, kualiti pendidikan ditentukan oleh parameter seperti input, proses pembelajaran, institusi dan sumber perkhidmatan. Walaupun begitu, semenjak beberapa tahun kebelakangan ini, satu pendekatan baru yang lebih memfokuskan kepada hasil dan pencapaian objektif terhadap sesuatu kursus akademik telah diperkenalkan. Pendekatan baru ini dikenali sebagai Pembelajaran Berasaskan Hasil atau lebih dikenali dengan *Outcome Based Education* (OBE). Sebelum kita mengupas dengan lebih lanjut tentang OBE, haruslah terlebih dahulu difahami akan maksud OBE itu sendiri. Kementerian Pendidikan

Australia Barat menerangkan OBE adalah satu proses pendidikan yang berasaskan pencapaian 'outcomes' tertentu dalam proses pembelajaran seseorang pelajar. Lantas, dengan menetapkan tahap kefahaman dan kemampuan pelajar untuk melakukan atau membangunkan sesuatu, maka kedua-dua struktur pendidikan dan sistem kurikula dan pengimplementasian haruslah saling bergantung dan berkesan bagi membolehkan tahap kemampuan atau kualiti yang diharapkan tersebut dicapai (H. Basri, 2004).

Ini bermakna terdapat 3 fokus utama yang perlu difahami iaitu dari aspek teori pendidikannya, struktur pendidikan yang sistematik dan implementasi di dalam kelas (Killen, 2000). Ketiga-tiga konsep ini dapat dilihat dalam Rajah 1. OBE memfokuskan kepada pencapaian hasil (*outcomes*) dan objektif yang telah ditetapkan berbanding memfokus kepada proses untuk mencapai 'outcomes' tersebut dan semua bukti haruslah didokumentasikan sebagai rujukan.



RAJAH 1 Fokus Utama dalam Sistem OBE

OBE adalah satu pendekatan untuk merancang, melaksana dan menilai sejauh mana pencapaian objektif dan 'outcomes' sesuatu program pengajian dapat dicapai. OBE merupakan satu pendekatan yang positif, walaubagaimana pun, ia sangat bergantung kepada komitmen semua pihak dan cara ianya dilaksanakan.

Mengambil kira pernyataan berkenaan kreativiti, OBE dilihat sebagai suatu pelaksanaan dalam dunia pendidikan yang boleh membentuk masyarakat intelektual yang kreatif serta boleh berfungsi dalam pembentukan masyarakat yang seimbang kehidupannya dalam aspek JERIS. Seterusnya pendidikan mempunyai dua kuasa iaitu menghidupkan dan mematikan kreativiti.

lanya bergantung kepada sejauh mana pendidik boleh memanfaatkan suasana dalaman dan luaran daripada situasi pembelajaran itu sendiri untuk membentuk pelajar yang kreatif dan boleh menyumbang semula kepada masyarakat melalui keintelektualan mereka. Pendekatan OBE di Malaysia telah menjadi suatu kewajipan untuk dilaksanakan oleh IPTA dan IPTS apabila sesuatu program ingin dilaksanakan di institusi pendidikan tersebut seperti yang dikehendaki oleh Agensi Pengiktirafan Malaysia (MQA). Pengawalan kualiti ini amat perlu dilaksanakan bagi memastikan IPTA/IPTS benar-benar membekalkan para pelajar dengan ilmu dan kemahiran yang diperlukan bagi menghadapi dunia pekerjaan dan masyarakat.

Pemikiran Aras Tinggi (HOTS)

Pemikiran Aras Tinggi (HOTS) merupakan salah satu komponen utama dalam kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis (KBKK). Mengikut Zevin (1995), pada kebiasaannya, Pemikiran Aras Tinggi merupakan perluasan maklumat yang sedia ada dalam minda untuk menghasilkan sesuatu yang baru atau asli. Masalah-masalah yang mempunyai pelbagai kemungkinan penyelesaian merupakan nadi kepada Pemikiran Aras Tinggi. HOTS merupakan satu program kemahiran berfikir yang menggunakan aktiviti-aktiviti pemikiran peringkat tinggi melalui komputer untuk memperbaiki kemahiran asas, keyakinan sosial dan kemahiran penyelesaian masalah pelajar (Pogrow, 1985).

HOTS juga merupakan aras yang paling tinggi dalam hirarki proses kognitif dan ianya berlaku apabila seseorang mendapat maklumat baru, menyimpan dalam memori dan menyusun, mengaitkan dengan pengetahuan sedia ada dan memanjangkan maklumat ini untuk mencapai sesuatu tujuan atau penyelesaian situasi rumit. Onosko dan Newmann (1994) menjelaskan bahawa Pemikiran Aras Tinggi (higher-order thinking) didefinisikan sebagai penggunaan minda secara meluas untuk menghadapi cabaran-cabaran baru. Penggunaan minda secara meluas berlaku apabila seseorang itu perlu mentafsir, menganalisis atau memanipulasi maklumat untuk menjawab soalan atau menyelesaikan masalah yang dikemukakan. Hanya dengan mengaplikasikan maklumat yang telah diperolehi lebih awal untuk menjawab atau menyelesaikan masalah dalam situasi baru mungkin tidak akan membuahkan hasil. Sebelum menggunakan komputer, guru mengadakan satu perbincangan pemikiran di mana pelajar diminta menerangkan akibat dari strategi mereka dan guru juga mengutarakan soalan-soalan yang mencabar untuk pelajar selesaikan. Perlaksanaan program HOTS adalah berpisah dari pengajaran kelas yang biasa, di mana HOTS menggabungkan aktiviti komputer yang membolehkan pelajar menguji secara serta merta akibat dari idea mereka terhadap soalan-

soalan, dengan kaedah pengajaran yang memberikan peluang kepada pelajar untuk banyak berfikir secara berkesan. HOTS membantu pelajar membina strategi untuk menghubungkan idea-idea mereka secara berkesan. Selain itu, penguasaan kemahiran dan keyakinan adalah syarat yang penting untuk pelajar melibatkan diri dengan cekap dalam aktiviti pembelajaran yang kompleks.

Dengan adanya HOTS pelajar dapat membuat keputusan, membuat keputusan tentang apa yang perlu dilakukan, melahirkan idea baru dan objek baru, membuat ramalan dan menyelesaikan masalah non-rutin. HOTS memberi peluang kepada pelajar untuk mengalami sendiri pembelajaran secara langsung melalui proses membuat generalisasi dan algoritma. Ianya dapat dicapai melalui beberapa kaedah seperti penyelesaian masalah, penerokaan matematik dan penyiasatan matematik dibantu oleh 'alat' iaitu pemikiran kreatif dan kritis. George Polya dalam tahun 1957 berjaya membina satu model penyelesaian matematik yang dikenali sebagai " Model Polya".

Menurut artikel yang diterbitkan dalam Berita Harian Online, Rabu , 08 Januari 2014 tulisan Ifwan Tun Tuah, HOTS merujuk kepada empat aras teratas kemahiran berfikir iaitu mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta. Justeru itu, transformasi kurikulum pendidikan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 telah menyaksikan kurikulum digubal menerusi PPPM sebagai inisiatif supaya pelajar tidak lagi hanya menghafal untuk menghadapi peperiksaan sebaliknya tahu menggunakannya.

Ini dikukuhkan lagi dengan kenyataan Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan (Dasar dan Pembangunan Pendidikan), Datuk Dr Amin Senin bahawa melalui kaedah HOT ini cara pembelajaran pelajar sebelum ini dapat diubah kepada kaedah yang lebih baik berbanding sebelum ini yang memberi lebih tumpuan terhadap aspek penghafalan dan berorientasikan peperiksaan. Ini berikutan hasil dapatan keputusan pelajar Malaysia dalam ujian Trend Pendidikan Matematik dan Sains Antarabangsa (TIMSS) dan Program Penilaian Murid Antarabangsa (PISA) tidak berada pada tahap yang memuaskan. Kajian mendapati bahawa ini berlaku disebabkan soalan dalam kedua-dua ujian itu berbentuk HOTS iaitu bukan mengingat sesuatu fakta tapi bagaimana hendak menggunakannya.

Perspektif Penulis

Penulis berpendapat bahawa setiap kaedah pengajaran dan pembelajaran di atas mempunyai kebaikan dan kelemahannya. Melalui kaedah HOTS, pembelajaran berpusatkan murid, problem based learning, kesemuanya mempunyai kebaikan dan kekuatan yang tersendiri di mana para pelajar bukan saja disogokkan secara terus dengan ilmu tetapi kaedah-kaedah ini memerlukan mereka untuk berfikir dan bertindak dengan sendirinya tanpa perlu bergantung secara terus terhadap guru. Ini secara tidak langsung akan melahirkan individu yang berfikiran kreatif, kritis dan inovatif sekaligus dapat menyumbang bakti dalam memajukan bidang pendidikan di Malaysia ini.

Selain itu, amatlah bertepatan sekali jika kaedah HOTS (*higher order thinking skills*) dapat digunakan secara menyeluruh dan merupakan transformasi kaedah pengajaran dan pembelajaran yang baru dan seterusnya menggantikan kaedah yang lama digunakan iaitu teknik hafalan dan *exam oriented*. Menerusi kaedah ini, para pelajar perlu kreatif untuk menjana idea-idea baru sekaligus menghubungkan idea-idea tersebut dan melahirkan sesuatu yang hebat di mana kaedah ini menuntut seseorang menggunakan minda secara meluas.

Pembelajaran Berasaskan Guru banyak menampakkan kelemahan di mana pelajar akan menjadi pasif di dalam kelas memandangkan maklumat atau ilmu akan disampaikan secara terus oleh guru kepada pelajar. Kaedah ini menyebabkan pelajar kurang berfikiran kreatif, kurang menjana idea-idea baru, malah hubungan pengajaran dan pembelajaran ini cuma melibatkan satu hala iaitu guru. Secara jujurnya, kaedah tradisional ini tidak lagi relevan dalam arus sistem pendidikan kini yang telah pun mengalami arus permodenan yang pesat membangun selaras dengan kemajuan teknologi.

Pembelajaran Berasaskan Pelajar memberikan kesan atau impak yang lebih baik jika dibandingkan dengan kaedah tradisional iaitu melalui guru. Pelajar lebih aktif, mampu memberi respons yang baik serta berkeyakinan dalam komunikasi. Namun kaedah ini memerlukan pemantauan berterusan daripada guru agar proses pengajaran dan pembelajaran tersebut akan berjalan mengikut kehendak silibus yang ditetapkan. Di samping itu, ia juga bertujuan untuk mengelakkan guru daripada melepaskan tanggungjawab sepenuhnya kepada pelajar.

Kaedah pengajaran dan pembelajaran yang efektif memerlukan gabungan kesemuanya sekali di mana guru/ pengajar perlu ada semasa sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran itu dijalankan namun peranannya harus diminimakan dan Cuma hanya bertindak selaku fasilitator kepada pelajar. Apabila lebih banyak peranan yang dimainkan oleh pelajar untuk menghasilkan satu proses pembelajaran dan pengajaran yang efektif, ini secara tidak langsung dapat meningkatkan tahap keyakinan dan kepuasan diri pelajar disamping menjana individu berintelektual bermula di sekolah. Selain itu, ini dapat membantu pelajar mempersiapkan diri menghadapi cabaran pekerjaan dan cabaran-cabaran luar yang akan mendatang.

Penutup

Pada pandangan penulis, peringkat pengajian tinggi seharusnya lebih mengutamakan aspek pembelajaran berbanding dengan aspek pengajaran. Perkara yang sangat asas adalah proses pembelajaran seharusnya berlaku sebagaimana yang telah disasarkan walau apa pun pendekatan yang digunakan.

-
1. Sufean Hussin. 2002. Kualiti pengajaran-pembelajaran dan keberkesanan sekolah: kerangka dan model untuk penyelidikan. Dlm. Abd Rahim Abd Rashid. (pnyt.). Pengajaran dan pembelajaran sains sosial: teori dan amalan, hlm. 23-38. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
 2. Shahabuddin, Rohizani & Mohd Zohir. 2003. Pedagogi : strategi dan teknik mengajar dengan berkesan. Shah Alam: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
 3. Csete dan Gentry. 1995. Dalam Smith, R.<http://www.gsu.edu/~mstsw/course/it7000/papers/student-1.html> [7 Julai 2011]
 4. Felder, R.M. & Brent, R. 1996. Navigating the bumpy road to student-centered instruction. *College Teaching*, Vol.44(2):43-47.
 5. Newby, T.J.; Stepich, D.A.; Lehman, J.D.; Russell, J.D. 2000. *Instructional technology for teaching and learning*. New Jersey: Prentice Hall.
 6. Saedah Siraj. (Ed.). (2001). *Perkembangan kurikulum: Teori dan amalan*, (Cet. 2) (ms.70). Kuala Lumpur: Alam Pintar. Pinsent, A. (1969). *Principles of*

teaching-method with special reference to secondary education. (3rdEd.). London: Harrap.

7. Carter, R. and McRae, J. (eds.). (1996). *Language, literature and the learner.* London: Longman.
8. Lazar, G. (1993). *Literature and language teaching.* Cambridge: Cambridge University Press.
9. Basri, H. Badaruzzaman, W.H.W. Nor, J.M. Mustafa, M.M. and Hamzah, N. 2004. Towards Implementing Outcome-Based Education at UKM, *Conference on Engineering Education 2004.*
10. Killen, R. 2000. Outcome-based Education: Principles and Possibilities, *Unpublished manuscript*, University of Newcastle, Faculty of Education.